

15 APR 1999

Perlimen-Petronas

PARLIMEN: PETRONAS TANGGUNGJAWAB JPM, TAPI TERBATAS PADA DASAR

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Petronas adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri (JPM) tetapi tanggungjawab itu terbatas hanya kepada perkara berkaitan dasar pembangunan industri petroleum negara sahaja.

Setiausaha Parlimen di JPM, Datuk Othman Abdul berkata sebagai sebuah syarikat, pengurusan Petronas bertanggungjawab kepada pelaburan dan keputusan lain mengenai operasi yang dibuat oleh syarikat itu.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Datuk Seri Anwar Ibrahim (Bebas-Permatang Pauh) yang meminta Perdana Menteri Datu Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan kenyataan bahawa beliau tidak langsung terlibat dalam langkah menyelamatkan syarikat Mirzan Mahathir dan apakah Dr Mahathir sedar bahawa Petronas di bawah tanggungjawabnya.

"Saya hairan mengapa Yang Berhormat (Anwar) menyoal perkara ini sedangkan Yang Berhormat sendiri semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan telah menjelaskan bahawa Yang Amat Berhormat (Dr Mahathir) tidak langsung terlibat dengan keputusan Petronas untuk membeli kepentingan Konsortium Perkapalan Bhd (KPB) yang diterajui oleh Mirzan Mahathir.

"Dan bahawa keputusan untuk berbuat demikian dibuat oleh Petronas secara sendirian berasaskan kepada penilaian mereka sendiri dan bukan satu langkah penyelamat atau 'bail-out' ke atas KPB," katanya.

Othman juga menyatakan bahawa kerajaan tidak bercadang menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk menyiasat kos sebenar kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya.

Dalam jawapan bertulis kepada soalan Nik Mohamed Amar Nik Abdullah (PAS-Pengkalan Chepa), beliau berkata dakwaan mengenai kos rumah kediaman rasmi Perdana Menteri sengaja dibangkitkan pembangkang yang ketandusan modal untuk tujuan politik mereka.

"Kerajaan sudah berkali-kali menerangkan kepada Dewan Rakyat rasional mengenai pembinaan kediaman rasmi itu," katanya.

Sementara itu, dalam jawapan bertulis kepada soalan Fu Ah Kiow (BN-Mentakab), Othman berkata, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) akan dibentangkan pada persidangan Dewan Rakyat 22 April.

Mengenai ramalan kadar pertumbuhan negara tahun ini, beliau berkata ramalan itu sudah dikeluarkan dalam laporan Tahunan Bank Negara Malaysia baru-baru ini yang menganggarkan pertumbuhan positif satu peratus bagi tahun ini.

"Untuk tahun 2000, Yang Berhormat sekalian akan mengetahuinya apabila Kajian Separuh Penggal RM-7 dibentangkan nanti," katanya.

-- BERNAMA

HS NY NMO